

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : PUAN RUSNAH BINTI ALUAI  
[ TANGGA BATU ]**

**SOALAN NO. 380**

Minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan apakah langkah-langkah penambahbaikan yang dibuat oleh Kementerian kepada pemandu-pemandu syarikat e-hailing agar dapat diselaraskan dengan faedah-faedah yang didapati oleh pemandu-pemandu Grab.

**JAWAPAN**

Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Syarikat *e-hailing* atau *E-Hailing Operator* (EHO) yang telah diluluskan Lesen Perniagaan Pengantaraan (LPP) oleh Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) perlu mematuhi syarat operasi yang telah ditetapkan dalam Garis Panduan SPAD Bilangan 2 Tahun 2018.
2. Beberapa perkara utama telah ditetapkan dalam Garis Panduan SPAD Bilangan 2 Tahun 2018 seperti kelayakan permohonan Lesen Perniagaan Pengantaraan, spesifikasi aplikasi minima, spesifikasi kenderaan, model operasi, kadar komisen, keperluan insurans dan tanggungjawab pemegang LPP.
3. Perkara kebajikan yang diberikan kepada pemandu oleh syarikat *e-hailing* atau EHO adalah tanggungjawab EHO masing-masing berdasarkan kemampuan syarikat itu sendiri. Sebagai sebuah entiti perniagaan yang menyediakan perkhidmatan kepada pengguna, pihak syarikat *e-hailing* haruslah bijak mengambil peluang untuk menarik lebih ramai pemandu dan pengguna menggunakan perkhidmatan yang disediakan mengikut peraturan yang telah ditetapkan.

Sekian, terima kasih.